

BAB 8

Sastera Cina Sarawak 1950-1962:

Pengaruh terhadap Sastera Kemudian

Latar belakang politik yang wujud pada tahun 50-an dan 60-an telah menimbulkan kesedaran tinggi terhadap politik dan masyarakat di kalangan orang Cina di Sarawak. Kesannya tidak akan lenyap begitu sahaja dengan peredaran masa. Pengaruhnya dalam bidang Sastera Cina Sarawak boleh dilihat daripada konsep kesusasteraan, penciptaan hasil karya kesusasteraan, konsep hidup dan pengukuhan kebudayaan diri.

8.1 Konsep Kesusasteraan

Konsep sastera yang dikemukakan dalam Sastera Cina Sarawak pada tahun 50-an ialah pengamalan fahaman realisme dan penekanan unsur sastera tempatan. Kedua-dua perkara ini telah mempengaruhi perkembangan Sastera Cina Sarawak terkemudian, baik pun dalam haluan penciptaan para penulis mahu pun dalam citarasa estetik orang ramai.

8.1.1 Penyambungan Fahaman Realisme

Fahaman realisme yang muncul dalam Sastera Cina Sarawak sebenarnya mula-mula dicadangkan pada tahun 50-an, iaitu dalam tempoh munculnya gerakan menentang penjajah. Para penulis pada masa itu begitu menyanjung tinggi cara

penciptaan yang berunsur realisme. Sejak itu, fahaman realisme telah mempengaruhi Sastera Cina Sarawak sehingga hari ini. Dalam manifesto penubuhan Persatuan Penulis Cina Sarawak (砂劳越写作人协会) telah disebutkan bahawa Sastera Cina Sarawak adalah mengikuti haluan fahaman realisme:

Sastera Cina Sarawak mematuhi haluan penciptaan ala fahaman realisme sejak awal-awal lagi. Oleh itu hasil karyanya mencerminkan realiti sosial Sarawak, keadaan hidup rakyat Sarawak dan keindahan semula jadinya walaupun tahapnya berlainan. Ia memang berunsur tempatan, dan ciri-ciri ini telah menjadikan Sastera Cina Sarawak begitu unggul dalam Sastera Mahua (1987: 1).

Sehubungan ini, Wu An merupakan wakil penyajak yang berfahaman realisme. Beliau bukan sahaja menganjurkan fahaman realisme bahkan juga mengamalkannya dalam hasil karyanya. Kebanyakan hasil karyanya mencerminkan realiti hidup. Misalnya “Ejiang lang” 鹅江浪 (Gelombang Sungai E) (S84) telah mengisahkan pengalaman seorang ibu yang sedang belayar dengan anak perempuannya di Sungai Rejang yang sedang bergelora. Keadaan yang dianggap berbahaya itu sebenarnya adalah biasa bagi mereka.

Seorang penyajak lain yang bernama Tian Si 田思 juga menghasilkan agak banyak sajak dengan gaya penyampaian yang baru dan biasa serta perasaan yang membara untuk menggambarkan perasaan nostalgia yang mendalam terhadap kampung halamannya. Contohnya ialah “Chidao fangge” 赤道放歌 (Menyanyi di Khatulistiwa) (S85), “Meili de xiniao xiang” 美丽的犀鸟乡 (Burung Pelantok yang Cantik) (S86) dan “Yelin Chenqu” 椰林晨曲 (Lagu Pagi di Kebun Kelapa) (S87). Ketiga-tiga sajak ini diterbitkan dalam koleksi puisinya yang berjudul *Women bushi houniao*

我们不是候鸟 (Kita Bukan Burung Musim). Kemudian beliau sekali lagi menggunakan gaya yang biasa untuk mengisahkan adat resam dan gaya tariannya yang gagah. Perasaan nostalgia terhadap kampung dikembangkan menjadi perasaan mengasihi kaum yang lain. Contohnya ialah “Zhulang” 竹廊 (Beranda Buluh) (S88), “Ganbang zhi ye” 甘榜之夜 (Malam di Kampung) (S89), “Zhangwu liqing” 长屋离情 (S90) (Perasaan Perpisahan di Rumah Panjang), dan “Balankai zhi wu” 巴兰凯之舞 (Tarian Balankai) (S91). Sebenarnya penulis muda juga banyak menghasilkan karya-karya berunsur realisme. Misalnya karya Yin Yuan 因原 yang berjudul “Haiyang beige” 海洋悲歌 (Lagu Rintihan Lautan) (S92) mengecam peperangan yang membawa kerosakan terhadap ekologi dan penindasan golongan kuasa besar yang tidak berperikemanusiaan. Golongan intelek ini telah melahirkan perasaan benci terhadap segala kepincangan yang wujud dalam masyarakat.

Salah satu ciri hasil karya fahaman realisme ialah menampakkan sifat kritik yang kuat. Para penulis tidak terperuk di rumah tetapi mengecam pelbagai kepincangan masyarakat melalui penulisan masing-masing. Misalnya dalam karyanya yang berjudul “Shijian jiefei” 时间劫匪 (Penyaman Masa) (S93), Tian Si mengecam cara hidup orang moden yang tanpa haluan, tetapi hanya berpelesiran di kompleks membeli-belah, warung kopi dan tempat disko. Beliau kesal terhadap sikap negatif orang moden yang mensia-siakan masa begitu sahaja. Dalam karya Li Sheng 李笙 yang berjudul “Shangbanzu kongjian xilie zhiyi — 4” 上班族空间系列之 — 4 (Siri 4 Ruang Pekerja Pejabat) (S94), beliau telah mendedahkan kebosanan pekerjaan di pejabat dan kebosanan hidup di kota yang telah melenyapkan sifat keaslian manusia. Ini hanya merupakan luahan perasaan penulis tentang realiti hidup sekumpulan orang

sahaja dan tidak berunsur ejekan.

Walau bagaimana pun, sehingga masa kini fahaman realisme masih berpengaruh dalam arena Sastera Cina Sarawak. Fahaman realisme terus dikembangkan lebih lanjut melalui karya kesusasteraan mereka. Malah, fahaman realisme diserapkan dengan fahaman modenisme.¹ Akibatnya kepelbagaian ciptaan hasil kesusasteraan telah timbul. Penulis terus mengembangkan semangat perikemanusiaan dengan penuh keprihatinan terhadap negara dan masyarakat, lalu menonjolkan aspek sifat kemanusiaan yang cerah.

8.1.2 Pembentukan Konsep Sastera Kekampungan (*Xiangtu Wenxue*)

Pada dasarnya, sastera kekampungan Sarawak berasaskan kesusasteraan fahaman realisme yang berlatar belakang keindahan alam sekitar dan masyarakat majmuk Sarawak (Wu An 1991: 15). Inilah definisi Wu An terhadap Sastera kekampungan. Sebenarnya dalam kata aluan *Majalah Kesusasteraan Rejang* yang

¹ Menurut Wu An, "Mazhab realisme faham akan kejanggalan yang disebabkan perubahan realiti masyarakat dan konflik antara gaya penyampaian dengan kehidupan. Walaupun mazhab modenisme memperkenalkan konsep estetik dan teknik baru tetapi ia juga terlalu menekankan sifat ketiadaan dan kekurangan. Kedua-dua mazhab realisme dan modenisme itu ada kemajuan dan perkembangan. Cara penyesuaian antara cara penciptaan karya merupakan aliran perkembangan sajak Mahua pada masa kini." (1995a: 18).

Pengkaji berpendapat bahawa setiap zaman itu ada kesusasteraannya tersendiri. Latar belakang pertumbuhan fahaman realisme Sarawak telah berlalu. Adalah perkara biasa bagi percantuman antara fahaman realisme dengan fahaman modenisme. Tambahan pula, penulis yang muda tidak begitu mudah terpengaruh oleh mazhab tertentu. Penciptaan hasil karya bukan dilakukan untuk mazhab tertentu. Penciptaan hasil karya bukan dilakukan untuk maksud tertentu tetapi sebaliknya untuk

diterbitkan pada awal tahun 1961, beliau mengatakan harapannya supaya ruangan tambahan ini akan disayangi oleh semua orang, sekurang-kurangnya ia sedikit sebanyak dapat mencerminkan nafas dan citarasa rakyat Sarawak serta pemandangan Sarawak. Sungai Rejang adalah sungai terpanjang di Sarawak. Oleh itu, majalah ini dinamakan sedemikian (*Xinwen bao* 3.12.1957: 3). Tujuannya adalah untuk menonjolkan unsur tempatan dalam karya mereka demi membentuk ciri-ciri istimewa Sastera Cina Sarawak. Bibit kesedaran kekampungan Sarawak boleh disusurgalurkan sejak tahun 50-an. Untuk memperjuangkan kemerdekaan, para penulis menumpukan perhatian kepada soal tanah Sarawak supaya menimbulkan kesedaran dan kefahaman rakyat terhadap tanah Sarawak dan tanah air mereka. Pertumbuhan bibit kesedaran terhadap tanah asal pada masa itu juga menandakan permulaan sastera kekampungan Sarawak. Ciri-ciri kesusasteraan tanah asal mula menonjol. Sehingga tahun 90-an, penciptaan karya yang berunsur tempatan masih merupakan slogan yang sering dibangkitkan.

Tentang definisi sastera kekampungan, Zhong Zhaozheng 钟肇政 pernah berkata:

Kalau dilihat dari kaca mata yang lebih meluas, kesemua kesusasteraan itu adalah berunsur kekampungan. Tidak ada sebarang kesusasteraan dapat dipisahkan daripada tanah asal. Saya dapati bahawa 90% daripada karya kesusasteraan baik dalam negara mahu pun luar negara berunsur kekampungan. Ini adalah kerana apabila menulis, setiap penulis mesti bermula daripada titik bertapak dan titik bertapak itu tidak lain tidak bukan tanah asalnya (Dipetik daripada Yi Xueman 尹雷曼 1957: 20).

Sambil menolak, Encik Zhong mengemukakan satu definisi kesusasteraan kekam-

melahirkan perasaan hati diri sendiri.

pungan yang lain, iaitu sastera kekampungan harus merangkumi sastera kota yang mewakili sastera kawasan tertentu. Sastera kekampungan mencerminkan ciri-ciri khas kawasan tersebut dan memaparkan ciri-ciri tempatan. Memandangkan kedudukan geografi istimewa Sarawak, proses penerimaan maklumat biasanya lebih lambat daripada tempat lain. Proses urbanisasi juga tidak begitu menonjol. Oleh itu, ciri-ciri tempatan masih sangat nyata dan menebal. Apa yang digambarkan oleh penulis dalam hasil karya mereka masih bersifat asli dan benar.

Cuba lihat karya Tian Si sebagai contoh. Misalnya “Chidao fangge” (SS85), “Meili de xiniao xiang” (S86), dan “Women bushi houniao” (S95) beliau telah memuji-muji keindahan dan kekayaan kampung halamannya,

Nenek-moyang kita berasal dari utara, berakar-umbi di sini untuk membentuk keluarga yang bahagia. Kita menanam lada, menoreh getah dan berniaga. Kita rajin bekerja tanpa berhenti-henti (S95).

Perasaan membara penulis berpunca daripada pengalaman penghijrahan orang Cina dan kehidupan kampung selepas menetap di Sarawak.

Dalam Sastera Cina Sarawak pada tahun 50-an tidak pernah dibangkitkan slogan yang berbunyi sastera kekampungan. Akan tetapi, konsep sastera telah lama dikemukakan oleh penulis tua dan diteruskan oleh penulis muda. Misalnya “Lupang de na yipai shu” 路旁的那一排树 (Sebaris Pokok di Tepi Jalan) telah melahirkan perasaan terhadap tanah air:

Aku adalah awan pada bulan Disember

Mencari perigi yang penuh perasaan di kampung halaman

Tiba-tiba ternampak rambut uban mu

Aku tidak dapat mengawal perasaan hiba

Darah panas telah disembur

Di atas ketandusan tanah di kampung halaman

Kini aku tidak lagi meninggalkannya

Kerana aku mencintai tanah di kampung halaman

Dan hutan rimba yang melindungku sehingga dewasa

Untuk mengenang budi pokok

Aku meresapkannya ke dalam tanah kampung halaman

Mudah-mudahan dalamnya menampakkan tanda kehijauan (S96)

Ayat dalam sajak tersebut begitu jelas dan ringkas. Maksudnya disampaikan secara langsung dan tidak ada perkataan yang kabur atau sukar difahami. Beliau melahirkan perasaan yang mendalam terhadap kampung halamannya melalui pertalian pemikiran terhadap tanah dan sebaris pokok di tepi jalan. Perasaannya terhadap kampung halaman seperti pokok yang tertanam di tanah di kampung halamannya. Penulis cuba mengaitkan pokok dengan perasaan kampung halaman. Untuk mengenang budi pokok, beliau mengharapkannya supaya menampakkan tanda kehijauan serta meneruskan nyawanya. Ini adalah pertalian pemikiran terhadap pokok. Penulis memang berharap untuk menjaga tanah ini selama-lamanya. Perasaan sedemikian juga terdapat dalam sajak Shen Qingwang 沈庆旺 yang berjudul “Kuxiang” 哭乡 (Meratap terhadap Kampung Halaman):

Kampung halaman terletak di hulu sungai
Siapa yang menceduk air sungai dengan aku
Merasai keharuman tanah kampung
Aku penuh dengan perasaan rindu
Ia tersadai di pantai laut

Bolehkah beri aku sedikit
Keaslian
Benarkah selepas zaman moden
Barulah sedar akan kesedihan zaman kuno
Bagaimana hendak merindu
Menggunakan totem tubuh badan untuk
Melambangkan zaman dewasa
Menggunakan arak wangi untuk membakar aliran darah

Biarlah hiasan yang terlekat pada tubuh bada
Bergerak-gerak
Biarlah jiwanya bebas
Dihisap dan digigit untuk merangsang
Kemudian
Barulah sedar akan kepahlawanan
Merasakan kewujudan semangat kaum (S97)

Sajak ini tidak melahirkan semangat berkobar-kobar terhadap kampung halaman secara langsung. Akan tetapi melalui kecaman terhadap kemusnahan kebudayaan kekampungan yang dibawa oleh peradaban moden, beliau melahirkan rasa rindu terhadap keaslian kebudayaan tanah asal. Beliau merindui aspek keaslian dan adat resam yang diamalkan di kampung. Melalui pemeliharaan kebudayaan kekampungan, mudah-mudahan keaslian tanah asal itu dapat dikekalkan.

8.2 Penciptaan Hasil Kesusasteraan

Masyarakat Sarawak pada zaman 50-an dan 60-an telah membekalkan bahan penulisan untuk penciptaan karya kesusasteraan dan juga mempengaruhi kemunculan sajak moden. Penulis menggunakan teknik imbas kembali atau penggambaran kenangan cucu-cicit terhadap nenek-moyang mereka untuk memaparkan sejarah tahun 60-an. Penghasilan sajak moden merupakan renungan terhadap fahaman realisme. Kemunculan sajak moden sedikit sebanyak menunjukkan penyajak cuba memecah tradisi sastera Cina Sarawak yang sedia ada selama ini.

8.2.1 Membekalkan Bahan Penulisan untuk Mencipta Karya Kesusasteraan

Pengalaman sejarah Sarawak pada tahun 50-an adalah berliku-liku dan berwarna-warni. Jenis bahan penulisan yang boleh digunakan untuk penciptaan karya kesusasteraan merangkumi: (a) proses perjuangan nenek moyang yang berhijrah ke Sarawak, dan (b) sejarah perjuangan gerakan menentang penjajah. Misalnya dalam ruangan tambahan Akhbar Harian See Hua 诗华日报 iaitu “Bentu Wenyi” 本土文艺

(Kesusasteraan Tempatan), telah dimuatkan tiga artikel yang mengisahkan perjuangan hidup golongan tua di Sarawak. Dalam artikel Yu Sui 禹穗 yang berjudul “Chuangwai you mingtian” 窗外有明天 (Ada Keesokan Hari di Luar Tingkap), artikel Lin Yufong 林玉凤 yang berjudul “Zufu de yisheng” 祖父的一生 (Riwayat Hidup Datuk) dan artikel Lin Shizhen 林诗珍 yang berjudul “Xianzu de xinsuan he fendoushi” 先祖的辛酸和奋斗史 (Sejarah Perjuangan dan Pahit Maung Hidup Golongan Nenek Moyang) (7.11.1997), kesemuanya melahirkan perasaan rindu terhadap nenek moyang dan juga sanjungan tinggi serta tabib hormat terhadap semangat perjuangan nenek moyang masing-masing

Karya-karya yang bertemakan perjuangan penentangan terhadap penjajah termasuk koleksi cerpen Hei Yan 黑岩 yang berjudul *Huangshan yueleng* 荒山月冷 (Bukit Terbiar dan Bulan yang Sejuk) (1994). Antara cerpen dalam koleksi ini, empat cerpen iaitu “Zuihou yici de yanchu” 最后一次演出 (Persembahan Kali yang Terakhir) (N22), “Huangsang yueleng” (N23), “Xiao xiaoyu” 潇潇雨 (Hujan Gerimis) (N24), dan “Hongchai gang de huanghun” 红柴港的黄昏 (Waktu Senja di Pelabuhan Hongchai) (N25). Kesemuanya berlatar belakang tahun 60-an sebagai bahan penulisan. Penulis sengaja memilih tahun 60-an sebagai latar belakang cerpennya kerana beliau tidak mahu sejarah tempoh ini lenyap begitu sahaja. Keempat-empat cerpen ini menggunakan teknik imbas kembali untuk mengingati kembali peristiwa yang lepas atau menggambarkan keadaan perjuangan pemuda terhadap penjajah. Dalam cerpen tersebut, bukan sahaja dikisahkan penglibatan pemuda-pemudi dalam gerakan menentang penjajah, tetapi pengorbanan mereka, keuntungan dan kerugian yang dialami juga dapat dilihat dalam sejarah dengan nyata. Temanya mengisahkan

kasih sayang yang lalu. Kini mereka bertemu semula dan bercerita tentang hal-hal perpisahan. Apa yang tinggal ialah keluhan yang berpanjangan.

Cerpen “Zuihou yichi de yanchu” mengisahkan titik kenangan sekumpulan pemuda pemudi terhadap persembahan mereka kali terakhir. Antara cerita yang menarik dan yang merupakan impian kebanyakan pemuda pemudi ialah kasih sayang antara Shi Xin 士心 dengan Shen Yilan 沈亦兰. Sebenarnya percintaan antara Shen Yilan dengan Chen Che 陈澈 adalah benar. Akan tetapi selepas mengalami pelbagai kegagalan dan perubahan persekitaran luaran, perasaan membara yang lalu telah lenyap sama sekali. Realiti hidup itu paling menyeksa hati orang. Pengalaman Chen Che, Hei Laocai 黑老蔡 dan Shi Xin merupakan gambaran penglibatan kebanyakan pemuda pemudi dalam perjuangan menentang penjajah.

Selain cerpen Hei Yan, cerpen-cerpen seperti “Guxiang de lu” 故乡的路 (Jalan di Kampung Halaman) (N26), dan “Zaihui ba shancheng” 再会吧! 山城 (Selamat Tinggal, Kota Bukit) (N27) seperti yang terkandung dalam koleksi cerpen yang berjudul *Guxiang de lu* yang dihasilkan oleh Cai Cunrong juga merupakan hasil karya yang bertemakan perjuangan terhadap penjajah. “Guxiang de lu” (F26) dan “Zaihui ba sancheng” (S27) mengisahkan semangat perjuangan pemuda pemudi yang terlibat dalam pergerakan penentangan terhadap pihak penjajah. Golongan ini melibatkan diri dalam perjuangan sedemikian dengan semangat yang berkobar-kobar. Kisah perjuangan ini memang menyayatkan hati para pembaca.

Sejarah semangat penerokaan tanah oleh nenek moyang di Sarawak dan semangat gerakan penentangan terhadap pihak penjajah juga merupakan ciri-ciri istimewa yang hanya dimiliki oleh masyarakat Sarawak. Semangat perjuangan yang

gigih dan perasaan romantik terhadap revolusi telah menjadi bahan penulisan kepada para penulis. Kesedaran ini memang wujud dalam jiwa penulis dan tidak hairanlah sekiranya ia dicerminkan dalam karya mereka.

8.2.2 Kemunculan Bentuk Sajak Moden

Selain fahaman realisme, cantuman antara fahaman realisme dengan fahaman romantisisme juga diberi perhatian pada tahun 60-an. Penulis bukan sahaja menekankan aspek realisme dalam karya mereka tetapi juga mencerminkan aspek romantisisme. Wu An pernah mengakui bahawa beliau sebenarnya terpengaruh oleh kedua-dua fahaman realisme dan fahaman romantisisme (Wu An 1995: 19). Akan tetapi, keadaan masyarakat pada tahun 60-an yang menyesakkan tidak membenarkan penulis mencerminkan realiti dan mengkritik masyarakat. Berikutan perubahan persekitaran sosial, struktur masyarakat telah menjadi semakin rumit. Gaya penulisan tradisi tidak lagi mampu mencerminkan gejala sosial yang baru. Oleh itu, penulis mengemukakan kepelbagaian bentuk penulisan. Pada masa yang sama, sejenis aliran pemikiran kesusasteraan iaitu fahaman modenisme telah diperkenalkan.

Di Barat, fahaman modenisme berkembang pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20. Faktor utama pertumbuhannya ialah fahaman kapitalisme telah memasuki peringkat monopoli. Perhubungan antara pihak majikan dengan pihak pekerja semakin tegang. Konflik sosial juga semakin hebat. Faktor-faktor ini telah mengubah pemikiran seseorang. Perubahan nilai-nilai masyarakat dan jiwa manusia telah menyebabkan konflik antara sesama individu, dan antara individu dengan masyarakat semakin meruncing. Ini telah menimbulkan kekosongan fikiran dan

mudah bersikap pesimistis. Maka mereka mula meneroka jiwa diri sendiri. Mereka menekankan kepentingan daya imiginasi dan kesenian yang kreatif (Zeng Qingyuan 曾庆元 1993: 13). Berdasarkan aliran pemikiran ini, fahaman modenisme, sejenis aliran pemikiran baru yang bersifat anti-tradisi dan inovatif, mula muncul di dunia.

Pada tahun 1966, pemuda pemudi Sarawak juga terpengaruh oleh fahaman modenisme. Mereka mula mempertikaikan karya berfahaman realisme tradisi dan mula mencuba teknik baru dalam bidang penulisan. Karya-karya dari Taiwan telah menjadi bahan tiruan. Pada tahun 1960 Akhbar Harian Zhonghua di Kuching telah menyediakan ruangan sambilan iaitu “Luzong shiwang” 绿踪诗网 (Jaringan Sajak Hijau). Ini telah menyediakan suatu ruangan untuk pemuda pemudi yang berhajat menghasilkan karya yang berfahaman modenisme terutamanya dalam penciptaan sajak moden. Dengan itu, lahirlah karya-karya yang berfahaman modenisme di Sarawak. Ini merupakan satu perkembangan biasa bagi penciptaan karya-karya yang berfahaman realisme selepas berkembang ke tahap tertentu. Di bawah latar belakang sedemikian maka tertubuhlah “Xingzuo shishe” 星座诗社 (Persatuan Sajak Bintang). Menurut Huang Zerong 黄泽荣:

Semangat Bintang ialah berani berinovatif, berani melahirkan perasaan diri dan tidak terikat dengan sebarang doktrin serta tidak perlu menurut ajaran tertentu (“Guoji shibao xinniao tekan” 1.1.1991: 8A).

Pada tahun 1966, Sarawak mencapai kemerdekaan setelah memasuki Malaysia. Ini telah menjadi suatu realiti politik yang tidak dapat diubah. Berbanding dengan zaman sebelum 1966, kebanyakan orang kini tidak lagi begitu mengambil berat tentang politik. Mereka juga tidak lagi menuntut bahawa sastera itu harus

mencerminkan realiti. Masyarakat telah memasuki satu peringkat perubahan. Walaupun fahaman modenisme yang muncul di Sarawak tidak berlatar belakang kota raya seperti Eropah Barat, tetapi fahaman realisme tidak lagi dapat memenuhi kehendak orang ramai. Maka mereka mula memikirkan perubahan dari segi inovasi gaya penyampaian. Untuk melahirkan isi hati yang mendalam, para penulis telah cuba menggunakan pelbagai bentuk retorik seperti simbolik, bayangan, kontras dan pemikiran pertalian. Gaya penyampaian sedemikian dianggap ganjil, ego dan subjektif oleh penulis berfahaman realisme. Oleh itu, perdebatan tentang kedua-dua fahaman tersebut telah berlaku di Sarawak pada penghujung 60-an.

Gejala ini telah menunjukkan bahawa penulis telah sedar bahawa gaya penyampaian harus menuju ke arah kepelbagaian bentuk. Bentuk kesenian dan teknik harus berkembang terus-menerus (Wu An 1991: 10). Fahaman realisme dan fahaman modenisme mula saling mempengaruhi, mengawal, meresap dan berkembang selari. Timbulnya aliran pemikiran kesusasteraan yang baru bukan disebabkan seruan sebilangan kecil orang tetapi disebabkan perubahan hidup masyarakat. Oleh itu, bentuk kesusasteraan yang baru mula muncul untuk mencerminkan perubahan struktur masyarakat yang baru. Melalui hasil karya dapatlah dilihat bahawa para penulis mencuba melakukan perubahan atau inovasi dari segi gaya penyampaian masing-masing. Misalnya Wu An dalam karyanya yang berjudul “Chuang” 窗 (Tingkap) (S98) dan “Zhusheng” 竹声 (Bunyi Buluh) (S99) dan sebagainya. Beliau cuba menggunakan gaya moden untuk menyampaikan ide dan membentuk perwatakan baru.

8.3 Konsep Hidup

Pengaruh karya kesusasteraan terhadap seseorang adalah besar dan juga mendalam. Hasil karya pada tahun 50-an memang memberi pengaruh dari segi pemikiran dan keperibadian.

8.3.1 Warisan Konsep *Ren* 仁 dan *Yi* 义

Berikutan kemasukan buku berfahaman sosialisme ke Sarawak pada awal tahun 50-an, novel tradisional yang umum dan mudah difahami juga turut memasuki Sarawak. Misalnya *Shuihu zhuan* 水浒传 (Catatan di Tepi Air), *Rulin waishi* 儒林外史 (Sejarah Tidak Rasmi Golongan Akademik) dan *Sanguo yanyi* 三国演义 (Novel Sejarah Tiga Buah Negara) diperkenalkan di Sarawak dalam bentuk asal atau komik. Nilai-nilai moral seperti yang terkandung dalam novel-novel ini terutamanya pemikiran *Ren* (Perikemanusiaan) dan *Yi* (Keadilan) terus mempengaruhi masyarakat Sarawak. Ini bermakna nilai kebudayaan tradisi seperti yang terkandung dalam novel tradisi ini telah diserapkan dalam masyarakat Cina Sarawak sebagai panduan kelakuan.

Terutamanya pemuda anti-penjajahan amat memuja wira yang muncul dalam novel. Mereka mempelajari semangat revolusi yang ditunjukkan oleh wira dalam *Shuihu zhuan* dan terpesona dengan pelajar dalam *Rulin waishi* yang berani mengkritik masyarakat.

Jenis karektor bermoral yang dibentuk dalam novel-novel ini lebih kurang sama dengan apa yang dituntut oleh kebanyakan orang pada masa kini. Misalnya sikap yang suka membantu golongan lemah dan miskin serta menghapuskan golongan yang

kuat dan melawan kekerasan seperti yang diamalkan oleh Lin Chong 林冲, Li Kui 李逵 dan Lu Zhishen 鲁智深, dan sifat keadilan yang diamalkan oleh Wu Song 武松, telah memenuhi kehendak jiwa orang yang benci akan jahat. Pahlawan-pahlawan ini telah mengamalkan apa yang tidak dapat dilakukan oleh orang awam. Mereka bersikap positif dari segi luahan rasa tidak puas hati terhadap masyarakat. Walaupun mereka berasal dari golongan bawahan, tetapi mereka bersikap adil dan tidak takut akan kuasa kuat demi mempertahankan kebenaran dan keadilan.

Dalam novel *Sanguo yanyi* misalnya, peristiwa perikatan Persaudaraan di Taman Peach 桃园结义 antara Liu Bei 刘备, Guan Yu 关羽 dan Zhang Fei 张飞 telah diketahui ramai. Semangat perikemanusiaan seperti yang ditunjukkan memang merupakan sifat moral yang menekankan pengkalan perhubungan antara manusia. Bersikap jujur adalah penting diamalkan antara satu sama lain sehingga Guan Yu telah pun menjadi watak idaman orang ramai. Ketokohan Liu Bei sebagai seorang pemimpin yang berperikemanusiaan juga menawan hati orang ramai. Sikap ini memang merupakan sifat terpuji yang harus dimiliki oleh seseorang pemimpin. Pemerintahan yang tekun dan menyayangi rakyat jelata, bermoral tinggi dan berperikemanusiaan masih merupakan tuntutan sifat-sifat yang dingini.

Selepas datang ke Sarawak, orang Cina mengamalkan cara hidup yang berasaskan pemikiran aliran Konfusianisme 儒. Dalam kehidupan sehari-hari, mereka masih menjunjung nilai-nilai mulia seperti *zhong* 忠 (Taata), *xiao* 孝 (Kepatuhan Kepada Ibu bapa), *ren* 仁 (Perikemanusiaan) dan *yi* 义 (Keadilan) dan menghormati orang tua dan yang berkebolehan. Dalam keluarga, yang ditekankan ialah kasih sayang ayah dan ketaatan anak, perhubungan mesra antara adik-beradik dan saling

hormat-menghormati serta hubungan yang harmoni. Di peringkat masyarakat sikap jujur dan bermaaf-maafan diutamakan. Ini bermakna jujur terhadap pekerjaan diri dan bersedia memaafkan orang. *Ren, yi, li* 礼 (kesopanan), *zhi* 智 (kebijaksanaan) dan sebagainya merupakan nilai-nilai istimewa yang harus diamalkan oleh setiap individu yang sentiasa bersedia berbakti kepada negara, masyarakat dan bangsa. Golongan muda digalakkan belajar daripada golongan tua. Mereka harus rajin bekerja, bersikap peramah dan adil, bertolak-ansur dan bekerjasama dengan kaum-kaum lain untuk membangunkan negara demi mengekalkan keharmonian masyarakat.

Nilai-nilai tradisi ini sering dibangkitkan terutamanya dalam keadaan kemelesetan ekonomi kini. Nilai-nilai seperti kerajinan dan berjimat-cermat serta sentiasa memikirkan bahaya ketika aman sekali lagi dihubungkan dengan pembangunan negara. Untuk mengharungi zaman yang penuh dengan cabaran kini, keharmonian dan kerjasama erat antara pelbagai kaum telah menjadi petunjuk ke arah pembangunan kebudayaan baru bagi masyarakat Cina Sarawak.

Dengan ringkasnya, pemikiran orang Cina di Sarawak terpengaruh oleh kebudayaan Cina. Nilai-nilai tradisi dalam kebudayaan Cina telah mempengaruhi pemuda ketika itu, malah turut mempengaruhi pemuda kini.

8.3.2 Konsepsi Kehidupan yang Sihat dan Positif

Pada tahun 50-an, masyarakat Cina sangat menekankan semangat kekitaan. Selama ini, nilai-nilai murni seperti berperikemanusiaan, tolong-menolong, merendah diri, optimistik, pemurah hati, menghargai nyawa, dan bersedia berkoban diri demi memenuhi kehendak orang ramai sering ditekankan dan dipupuk. Kesemua nilai ini

telah dijadikan kayu ukur dalam membentuk keperibadian yang ideal. Sikap individualistik seperti yang dianjurkan oleh budaya Barat dianggap sempit dan tidak dapat diterima malah sering dikritik. Pada anggapan mereka, golongan pemuda masing-masing harus berusaha bersungguh-sungguh demi masa depan. Ini bukan sahaja melibatkan kebahagiaan diri tetapi juga melibatkan kebahagiaan masyarakat. Oleh itu, perasaan frustrasi, pesimistik, dan kesedihan merupakan batu penghalang terhadap kemajuan dan pertumbuhan diri. Demi tujuan tersebut, kaum pemuda harus melengkapkan diri, mengawal diri dan merempuh kehidupan yang berdisiplin terlebih dahulu, kemudian barulah dapat mereka menjauhkan diri daripada keruntuhan dan kehancuran. Oleh itu, belajar dan menimba ilmu pengetahuan baru merupakan syarat utama ke arah kemajuan diri demi mengubah pola pemikiran yang cetek dan kolot. Hanya dengan cara ini, barulah dapat masyarakat mencapai kejayaan dalam revolusi yang akan dilancarkan. Inilah nilai hidup kebanyakan orang Cina pada tahun 50-an.

Pada masa kini, walaupun soal revolusi tidak lagi ditimbulkan, akan tetapi, nilai-nilai murni seperti berjimat-cermat, kesederhanaan, keharmonian, menguntungkan orang lain, dan kegiatan kerohanian yang sihat masih ditekankan demi menuju ke arah kehidupan yang positif.

8.4 Pengukuhan Kebudayaan Kendiri

Timbulnya kesedaran untuk mempertahankan dan mengukuhkan kebudayaan diri disebabkan beberapa faktor. Antaranya, penjajahan British telah menimbulkan kesedaran bangsa, dan juga rasa bimbang terhadap penghapusan kebudayaan Cina. Pada zaman penjajahan, kawalan pihak penjajah terhadap kebudayaan tempatan telah

menimbulkan kesedaran untuk mempertahankan kebudayaan diri.

Pada tahun 1970, pembentukan kebudayaan kebangsaan yang berasaskan kebudayaan bumiputera sekali lagi membangkitkan kaum Cina untuk melancarkan gerakan memperkukuh kebudayaan diri. Mereka mula memikirkan bagaimana hendak menyerapkan kebudayaan Cina ke dalam kebudayaan kebangsaan. Sebenarnya kesedaran ini telah timbul sejak mereka datang ke Sarawak dan berterusan sehingga tahun 80-an kini. Daripada karya kesusasteraan, kita juga dapat mengesan gejala kesedaran kebudayaan ini.

8.4.1 Pengekalan terhadap Kebudayaan Cina dan Pelancaran Reformasi

Selama ini, kaum Cina memang berbangga dengan kebudayaan diri yang gilang-gemilang. Ia mempengaruhi kehidupan kaum Cina dan menjadi panduan hidup mereka. Selepas penyerapan dalam masyarakat tempatan, kaum Cina lebih menghargai tanah ini malah terus melaung-laungkan perasaan mereka terhadap tanah ini. Cuba lihat hasil karya Tian Si iaitu “Women bushi houniao” sebagai contoh:

Kita tidak akan lupa

Setompok darah ibu semasa melahirkan saya

Ia telah meresap ke dalam setiap batang

Sungai di sini

Tali pusat yang dikerat oleh ibu

Telah disambung ke setiap punca air

Kita diasuh di sini

Dibesarkan di sini (S95)

Penyajak telah mengakui Sarawak sebagai tanah airnya secara keseluruhan. Seperti diibaratkan, darah tubuh badannya telah pun berbaur dengan tanah yang membesarkannya sehingga menjadi sumber tenaga pertumbuhannya seperti ibu yang mengasuhnya.

Identifikasi politik iaitu ikatan perasaan terhadap tanah lahir memang merupakan suatu peralihan jiwa yang biasa. Akan tetapi, identifikasi budaya iaitu perasaan terhadap kebudayaan diri memang sangat kuat dan masih menjadi suatu keprihatinan kaum Cina pada masa kini. Misalnya dalam sajak yang berjudul “Xiu shi” 修史 (Membaiki Sejarah) (S100), penyajak telah melahirkan perasaannya yang membara sebagai tanda mempertahankan kebudayaan diri. Golongan intelek memang begitu cintakan kebudayaan diri. Bagi mereka, gambaran terhadap negara China memang sudah kabur. Akan tetapi, mereka masih cuba mengenali dan mewarisi kebudayaan diri melalui karya mereka. Akar kebudayaan memang merupakan salah satu sumber pemikiran yang penting bagi penyajak. Misalnya dalam sajak Lu Dun 鲁钝 yang berjudul “Chidao shang de ernu” 赤道上的儿女 (Anak di Khatulistiwa):

Kita

Mengayuh sebuah kapal kebudayaan

Belayar di luatan kehidupan yang luas

Mengharungi angin dan gelombang (S101)

Kaum Cina yang berhijrah ke Selatan memang berpegang teguh kepada warisan kebudayaan yang turun-temurun. Berakar-umbinya kebudayaan telah menyebabkan

kaum Cina berusaha untuk mengekalkan kesempurnaan kebudayaan, iaitu terus mengamalkan dan mengekalkan kebudayaan diri.

Selepas Peristiwa 13 Mei, hubungan antara kaum Cina dengan kaum-kaum yang lain semakin renggang. Konflik antara kaum semakin meruncing. Pada tahun 70-an, pembentukan Kebudayaan Kebangsaan yang berasaskan kebudayaan Melayu dan Islam semakin menyebabkan kaum Cina bimbang akan masa depan kebudayaan mereka. Malah pada tahun 80-an, perjuangan politik dalaman di kalangan kaum Cina, serta kemelesetan ekonomi telah menyebabkan kaum Cina mula memikirkan cara untuk memperkukuh dan mempertahankan kebudayaan diri. Keadaan politik yang kacau-bilau sedemikian telah membangkitkan kesedaran kaum Cina supaya kembali semula kepada kebudayaan tradisi. Maka timbullah “Gerakan Menghidupkan Kembali Kebudayaan” pada tahun 80-an.

Walaupun bahang gerakan ini tidak berlaku di Sarawak, tetapi sentimen kaum ini tetap mudah dinyalakan demi kepentingan kaum. Misalnya aktiviti “Hantaran Lampu Hari Kueh Bulan” anjuran Persatuan Bahasa Cina dan “Persembahan Roh Bangsa²” setahun sekali diadakan selaras dengan gerakan tersebut. Semangat perjuangan kaum Cina terhadap kebudayaan bangsa memang jelas kelihatan.

Atas alasan perasaan cintakan kebudayaan, segala kepincangan yang wujud dalam kebudayaan Cina dikritik secara habis-habisan. Misalnya dalam sajak Shi Ying 石莹 yang berjudul “Ye de haizi” 椰的孩子 (Budak Buah Kelapa):

2 “Roh bangsa” merupakan salah satu atur cara kebudayaan tahunan yang dipersembahkan oleh Persatuan Bahasa Cina Sarawak bertujuan untuk memperkembangkan Sastera Cina Sarawak dan memupuk kebudayaan Cina.

Kampung yang lama di seberang laut

Ia telah lama merupakan mimpi yang samar-samar itu awal-awal

Tetapi kita masih mewarisi

Keburukan yang beribu-ribu tahun

Kereputan kita

Seperti tertanam dalam hati kita

Kita telah membuka langit sendiri

Tetapi lupa akan akar sendiri

Diikat dengan sangat longgar

Penghormatan kita

Selalu dihempas di pinggir gelombang (S102)

Penyajak merasa jijik akan aspek kereputan kebudayaan Cina. Oleh itu, pembaharuan harus dilakukan untuk mengikiskan unsur-unsur kebudayaan yang ketinggalan zaman dan mengekalkan nilai-nilai kebudayaan yang baru dan halus. Perjuangan yang gigih sedemikian semata-mata untuk memperjuangkan maruah bangsa dan menimbulkan rasa persefahaman antara kaum agar kebudayaan Cina dapat tersebar selama-lamanya.

8.4.2 Penglibatan dalam Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan

Sebelum kemerdekaan, masyarakat Cina melaung dan meronta dengan sekuat-kuatnya untuk mempertahankan dan mengekalkan kebudayaan Cina secara sempurna.

Kini orang Cina mengkaji semula kebudayaan Cina supaya dapat menyerapkan diri dalam kebudayaan tempatan dengan lebih positif. Sehubungan ini, banyak persoalan dan pendapat tentang peranan kebudayaan Cina dalam pembentukan kebudayaan telah timbul.

Zhu Jiahua 祝家华 berpendapat bahawa untuk mencari haluan pertumbuhan kebudayaan masyarakat Cina (Mahua), kita harus memahami kedudukannya dan masalah utamanya. Ini adalah kerana kebudayaan Mahua sebenarnya berasal dari kebudayaan Cina. Akan tetapi, oleh sebab ia lama berpisah dari kebudayaan asalnya, maka batu asas kebudayaan ini agak longgar. Tambahan pula generasi muda tidak berapa arif tentang sistem kebudayaan diri, mengakibatkan mereka menghadapi masalah identifikasi budaya (*Nanyang Siang Pau* 25.6.1995: 3).

Pembinaan kebudayaan Mahua yang berada dalam peringkat kematangan masih mempunyai potensi untuk pembaharuan. Pembinaan kebudayaan Mahua melibatkan proses yang berpanjangan. Dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan kebudayaan, perhubungan dan penyerapan antara pelbagai kebudayaan merupakan salah satu proses biasa ke arah pembentukan struktur kebudayaan. Dalam kebudayaan kebangsaan, walaupun kebudayaan Mahua merupakan kebudayaan pinggir, masyarakat Cina masih perlu berusaha untuk membentuk identiti kebudayaan Mahua yang mengandungi ciri-ciri tempatan yang menonjol.

Yew Yeok Kim 游若金 (1987: 61) berpendapat bahawa kebudayaan nasional harus dibentuk melalui pengaliran secara spontan antara pelbagai kebudayaan, iaitu satu proses penyesuaian dan bertolak-ansur. Supaya kebudayaan Mahua dapat menjadi sebahagian kebudayaan nasional Malaysia, kebudayaan Mahua harus diterima oleh

kaum-kaum lain di masyarakat majmuk Malaysia. Selain itu, Ting Chiew Peh (1987: 3) pula mencadangkan bahawa mencari persamaan daripada perbezaan atau menerima perbezaan antara persamaan juga merupakan modul kebudayaan yang boleh diterima oleh kaum Cina.

Malangnya kaum Cina Sarawak yang berada di sebelah Laut China Selatan selama ini berada dalam kedudukan pasif sahaja. Mereka hanya menerima ide dan pandangan daripada Semenanjung Malaysia secara bulat-bulat. Perkembangan kebudayaan Cina Sarawak dan amalannya sehingga kini tidak pernah ditinjau. Walaupun Persatuan Kebudayaan Cina Sarawak pernah menganjurkan aktiviti seperti seminar kebudayaan pada 1991, tetapi usaha ini masih tidak dianggap sebagai usaha yang serius dalam mengkaji kebudayaan. Apakah ciri istimewa kebudayaan Sarawak? Bagaimanakah isi kandungannya? Bagaimanakah panduan pemikirannya? Sehingga kini pembicaraan tentang warisan kebudayaan Sarawak dan pembaharuannya masih jauh dari memuaskan.

Pembinaan satu kebudayaan yang berunsur tempatan bukan setakat slogan sahaja. Sebenarnya, bahawa Sarawak perlu membentuk suatu kebudayaan majmuk Sarawak pernah dibangkitkan pada awal zaman penjajahan. Misalnya golongan muda-mudi Parti Bersatu Rakyat Sarawak pernah ke rumah panjang untuk mengajar kaum bumiputera tentang aspek kebudayaan. Ini merupakan satu contoh konkrit penyesuaian kebudayaan. Sehubungan ini, usaha untuk menggembelngkan tenaga demi membina kebudayaan Cina Sarawak harus dipertingkatkan. Kebudayaan Cina Sarawak harus menerima unsur-unsur baru untuk menambah kecergasan nyawa dalamannya. Dengan ini, barulah kebudayaan Cina Sarawak dapat berkembang, berinovatif dan menjadi

kukuh.

Sehingga kini, semangat untuk menerus menyebarkan kebudayaan diri masih berkobar-kobar seperti dalam dua sajak oleh Chen Lu 晨露 yang berjudul “Duanwu yin” 端午吟 (Lagu Perayaan Kapal Naga):

(1)

Air mengalir perlahan-lahan

Menuju ke Selatan

Sungai Rejang menyambung

Sungai Miluo

Kepanasan hati yang jujur

Anak khatulistiwa

Terbaring dan mendengar

Ajaran datuk

Tidak minum

Susu ibu

Beransur-ansur

Membesar

Bulan Mei setiap tahun

Pada hari kelima

Jelingan penyajak yang penuh perasaan

Menyalakan

Dalam hati setiap orang

Setiap buah

Pelita

Sungai Rejang

Cahaya lampu

Gilang-gemilang

Generasi ke generasi

Diturunkan

(2)

Kita

Anak Sungai Rejang

Di khatulistiwa

Terbaring dan minum

Punca air selatan

Menghisap

Inti kebudayaan lima ribu tahun

Kita menyampaikan

Cahaya lampu kebudayaan

Berkilau-kilau (S103)

Melalui warisan perayaan tradisi Cina, semangat cintakan akar kebudayaan telah

berakar-umbi di sini selepas datang ke Sarawak. Penyajak menganggap diri sebagai anak perempuan Sungai Rejang, maka dia memang bertanggungjawab untuk menurunkan lilin kebudayaan yang menyala. Dia mempunyai kesedaran untuk meneruskan kebudayaan.

Saya sebagai pengkaji berpendapat bahawa misi inilah yang tidak dapat ditanggung oleh penulis. Kebudayaan Sarawak beraneka rupa tetapi ia jarang-jarang dicerminkan dalam karya kesusasteraan. Oleh itu, masyarakat Cina harus memikirkan bagaimana melibatkan diri dalam pembinaan kebudayaan, terutamanya penulis Sarawak yang meneruskan pendorong dan pencipta utama kebudayaan baru. Mereka harus berusaha mengamalkan dan mewarisi semangat perjuangan dan pengorbanan yang dilakukan oleh golongan intelek Sarawak yang lalu.